



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNP			

Pekebun kena tangkap

Raub: Seorang pekebun ditahan bersama 22 biji durian musang king yang dipercayai dikutip di kebun durian haram di Hutan Simpan Batu Talam (HSBT) di sini.

Lelaki berusia 42 tahun itu ditahan anggota Unit Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di kompartmen 175 hutan simpan itu, kelmarin.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa), JPNP Nor Azirim Ahmad berkata, pihaknya mengesan lelaki berkenaan menunggang motosikal Honda EX5 dan mendapati dia tidak mempunyai kebenaran memasuki kawasan terbabit.

Katanya, lelaki itu mendakwa ke kebunnya yang terletak bersebelahan HSBT untuk mengambil durian yang mula gugur dan tidak sengaja memasuki kawasan larangan terbabit.

"Kita tidak pasti kenapa lelaki itu yang menetap di Kampung Tras, berada dalam kawasan hutan simpan," katanya.